



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : [kpkt_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (53)

Tarikh : 29 Oktober 2015

SIARAN MEDIA

Cakna memudahkan aduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Ayer Keroh, 29 Oktober 2015 - Aplikasi Aduan cakna yang boleh dimuat turun ke mobile secara percuma oleh orang awam bagi membuat sebarang aduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dirasmikan oleh Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada pagi ini.

2. Projek ini merupakan inisiatif YB Menteri Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang disarankan melalui kenyataan media (Bernama) pada 30 Jun 2015 di mana aplikasi baharu akan diperkenalkan untuk membuat aduan kerosakan atau baik pulih serta-merta melalui telefon bimbit kepada pihak berkuasa tempatan (PBT). PBT pula dapat mengesan dan mengetahui masalah tersebut sama ada kritikal atau tidak melalui jumlah gambar yang dihantar. Projek ini telah dibangunkan oleh Pegawai ICT KPKT dan melibatkan kos yang sangat minimal.

3. Cakna membolehkan orang ramai untuk membenarkan penghantaran aduan bergambar beserta lokasi secara mobile; memberi maklumbalas kepada pengadu dengan lebih responsif dan memantau statistik aduan oleh PBT atau JKT melalui dashboard yang disediakan dengan lebih efisien. Keperluan minimum pemasangan eCakna ini ialah mobile yang menggunakan Operating System Android dan liputan terbaik adalah talian data 3.5G ke atas.

4. PBT perintis yang terpilih bagi projek perintis ini perlu memenuhi kriteria seperti mempunyai pegawai IT/Teknikal dan persetujuan dari PBT. Untuk fasa pertama ini, enam PBT dipilih sebagai agensi perintis dan menggunakan Operating System (OS) Android adalah :

- i. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah,
- ii. Majlis Perbandaran Alor Gajah,
- iii. Majlis Perbandaran Jasin,
- iv. Majlis Perbandaran Hang Tuah,
- v. Majlis Perbandaran Bentong,

vi. Majlis Daerah Tanjung Malim

Untuk fasa kedua, peluasan kepada lebih banyak PBT akan dilaksanakan dengan menyediakan pilihan kepada OS iOS.

5. Perbezaan Cakna ini berbanding banyak lagi sistem aduan sedia ada ialah PBT kebanyakannya menggunakan sistem aduan berasaskan web. Aplikasi Mobile merupakan salah satu platform yang popular sejajar dengan penggunaan mobile atau telefon pintar yang sudah tidak asing kepada orang awam. Cakna yang berkonsepkan mobile adalah selari dengan teknologi terkini dan keperluan orang awam yang memerlukan sistem yang mudah dan mesra pengguna.

6. Di pagi ini juga diadakan seminar kecemerlangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Topik yang dibenteng ialah :

- i. Inisiatif - inisiatif Kemampanan dan Komponen Teknologi Hijau Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
- ii. Penyertaan Awam dalam Pembangunan Komuniti oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai
- iii. Pemerksaan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) oleh Bahagian Kesejahteraan Bandar, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my